

KESALAHAN EJAAN

*Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Kemudahan pengangkutan awam di negara ini sedang dinaiktaraf oleh pihak yang berkenaan.

2. Setiap calon Sijil Pelajaran Malaysia mestilah lulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah untuk memperoleh sijil SPM.

3. Puan Mariah meminta kontraktor muda itu membina rumah baharunya mengikut plan yang telah ditetapkan.

4. Industri pefileman yang semakin pesat dan canggih telah mempengaruhi perkembangan sahsiah anak-anak.

5. Kebanyakan pelanggan sangat berpuas hati akan kelazatan masakan di Restoran Selera Timur.

6. Datuk saya yang mengidap penyakit kencing manis dan darah tinggi perlu berjumpa dengan doktor dari semasa ke semasa.

7. Menurut pihak Jabatan Pendidikan, surat pekeliling itu akan di edarkan ke semua sekolah di seluruh negeri pada minggu hadapan.

8. Pihak Kementerian Pendidikan berhasrat untuk membanyakkan pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah, kursusnya di luar bandar

9. Encik Fendi terpaksa menjalani pembedahan setelah doktor mengesahkan bahawa penyakit yang dihidapinya semakin kronik.

10. Perjanjian kerja sama ekonomi antara dua buah negara yang berjiran itu akan dimeterai pada minggu hadapan.

11. Anak jutawan yang dicolek itu telah dipertemukan oleh polis dengan keluarganya pada petang semalam.

12. Selain pengaruh rakan sebaya, kurangnya didikan agama juga merupakan punca berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa ini.

13. Pembangunan rangkaian lebuh raya di seluruh negara membuktikan bahawa Malaysia telah semakin maju ke arah mewujudkan kesejahteraan kepada rakyat.

14. Penunggang motorsikal yang lalai dikenal pasti sebagai antara punca terjadinya kemalangan maut.

15. Beberapa spesis binatang liar yang mendiami hutan belantara negara ini kini kian pupus akibat pembangunan.
